

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Unit Jangkau Luar PSN Anjurkan Perkampungan Sains di Sarawak

1



PSN Jadi Tuan Rumah Pertandingan Amphibious Electric Vehicle Zon Tengah

2

Pameran 1001 Inventions Tarikan Baru di PSN

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : fb.com/PusatSainsNegara

UNIT JANGKAU LUAR PSN ANJURKAN PERKAMPUNGAN SAINS DI SARAWAK

Sarawak: Sekali lagi negeri Sarawak telah menjadi destinasi bagi penganjuran Perkampungan Sains yang merupakan salah satu program tahunan oleh Unit Jangkau Luar PSN. Program ini telah dijalankan selama 4 hari iaitu dari 17 hingga 20 Mei 2013 bertempat di Uma Juman, Sungai Asap, Belaga.

Seramai 100 orang pelajar dari seluruh negeri Sarawak telah terpilih menyertai Perkampungan Sains ini. Mereka merupakan pelajar yang bertuah kerana bukan semua pelajar berpeluang untuk turut serta dalam program sebegini. Pusat Sains Negara telah bekerjasama dengan beberapa agensi lain untuk menjayakan semua aktiviti sepanjang penganjuran program ini.

Antara aktiviti yang diadakan ialah bengkel sains, treasure hunt, Program Bersama Komuniti dan juga demonstrasi sains. Aktiviti-aktiviti ini dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai Pusat Sains Negara. Tujuan utama penganjurannya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar di luar bandar mengenali bidang sains dan menanam minat mereka dalam bidang tersebut.



Penganjuran program ini akan diteruskan untuk tahun-tahun seterusnya di beberapa lokasi lain seluruh negara. Diharapkan semoga matlamat program ini tercapai dan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat.

PSN JADI TUAN RUMAH PERTANDINGAN AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE ZON TENGAH

Pusat Sains Negara dengan kerjasama MyRobotz Enterprise telah menganjurkan Pertandingan Amphibious Electric Vehicle Zon Tengah pada 18 Mei 2013 di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Pertandingan ini melibatkan peserta daripada Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pertandingan yang dianjurkan setiap tahun ini bertujuan memberi kefahaman kepada para peserta tentang sumber tenaga selain dapat mengetahui tentang kepentingan rekabentuk dan jenis bahan yang digunakan untuk menghasilkan kenderaan yang mampu bergerak lebih pantas. Selain itu, pertandingan ini juga mencabar inovasi dan kreativiti para peserta dalam menghasilkan kenderaan elektrik yang mampu bergerak di darat dan di air.

Pertandingan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan para pemenang di peringkat ini akan mewakili Zon Tengah ke Pertandingan Amphibious Electric Vehicle 2013 peringkat kebangsaan. Diharapkan agar pertandingan sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang dengan peningkatan penyertaan dari kalangan peserta.



1001 INVENTIONS
KEGEMILANGAN TAMADUN MUSLIM

LONDON • ISTANBUL • NEW YORK • LOS ANGELES • WASHINGTON DC • ABU DHABI • DHARAHAN • DOHA

visit **MALAYSIA** 2014
Asia

Celebrating
Malaysia's 50th Anniversary

DISCOVER THE GOLDEN AGE OF MUSLIM HERITAGE & CIVILISATION

AN EXHIBITION THAT UNCOVERS 1,000 YEARS OF MUSLIM INVENTIONS IN SCIENCE & TECHNOLOGY.

MUSEUMS & HERITAGE AWARDS WINNER

Voted World's Best Touring Museum by Museum & Heritage Excellence Award 2011.

Supported by: GOVERNMENT OF MALAYSIA Co-organised by: MASTI science

PAMERAN BERTEMA 1001 INVENTION TARIKAN BARU DI PSN

Pusat Sains Negara akan membawa masuk satu pameran bertema bertaraf antarabangsa iaitu *1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* yang dijangka akan mula dipamerkan pada bulan Julai 2013. Pameran yang pernah memenangi *Museum and Heritage Excellence Award* sebagai pameran terbaik pada tahun 2011 ini akan berada di Pusat Sains Negara sehingga bulan Disember tahun ini.

Matlamat utama pameran ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pencapaian saintifik dan kebudayaan tamadun Islam pada kurun ketujuh dan tahun berikutnya. Di samping itu, pameran ini juga mampu memberikan inspirasi kepada masyarakat terutamanya golongan muda untuk menanam minat dalam bidang sains dan teknologi.

Dijangkakan bahawa pameran ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia kerana pameran ini telah menerima lebih tiga juta pengunjung ketika penganjurannya di London, Istanbul, New York, Los Angeles, Washington dan Asia barat sebelum ini.

SANA-SINI PSN

MAJLIS PELANCARAN MY MOBILE UNIVERSITY

20 Mei 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



PROGRAM MEET THE SCIENTIST

21 Mei 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



(UNIT OUTREACH) PROGRAM SCIENCE ON THE MOVE

11-15 Mei 2013
SK Seri Ampang Muda
Sik, Kedah



INFO SAINS

► TAHUKAH ANDA?

Musytari merupakan planet yang terbesar

dalam sistem suria kita.

Planet ini terlalu besar

hingga lebih daripada 1300 Bumi

boleh dimuatkan di dalamnya.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

**PAMERAN
SPORTS & SPINACH**


22 Disember 2012 - 31 Ogos 2013
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

SPECIAL SCIENCE DAY

24 - 27 Jun 2013
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

**PAMERAN
1001 INVENTIONS**

Julai 2013
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI**SCIENCE WITHOUT THE BORING BITS 'CRANKS,
CURIOSITIES, CRAZY EXPERIMENTS AND WILD
SPECULATION'**

Buku ini memaparkan falsafah perkembangan ilmu sains semenjak dari zaman purba ke zaman pertengahan dan Renaissance hingga ke hari ini. Melalui buku ini, penulisnya turut menceritakan mengenai tanggapan-tanggapan negatif mengenai ilmu sains serta bidang-bidang utama yang terbentuk hasil daripada perkembangan dunia sains.

PINPRESSION**FUNGSI**

Merupakan bahan pameran yang mempunyai keupayaan menyimpan imej 3D dengan gerakan pin-pin kecil secara manual melalui tekapan sesuatu objek atau permukaan.